

# Briged sukarelawan diperkenal di IPT

**Nilai:** Kursus kokurikulum berkredit Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) bakal diperkenal di semua institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini dalam tempoh dua tahun.

Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Abdul Rahim Bakri berkata, kursus itu yang dirangka Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) berbeza berbanding kursus kokurikulum berkredit lain.

Katanya, modul kursus itu berteraskan sukarelawan dan menekankan integrasi nasional bagi melahirkan graduan bersemangat sukarelawan tinggi dalam apa saja kegiatan.

“BSKN berbeza kerana bukan berteraskan ketenteraan atau kepolisan seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) dan Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS),” katanya pada sidang media selepas majlis me-

nandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) kursus BSKN antara JLKN dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, semalam.

JLKN diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Hadi Awang Kechil dan Timbalannya, Rozainor Ramli, manakala USIM diwakili Naib Canselor, Prof Datuk Dr Asma Ismail dan Pendaftar USIM, Muhammad Haizuan Rozali, dengan disaksikan Abdul Rahim.

Abdul Rahim berkata, USIM menjadi perintis kursus BSKN yang ditawarkan khusus kepada bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), sejak awal tahun ini.

Beliau berkata, pelatih BSKN diharap dapat meneruskan kesinambungan ilmu dan pengetahuan yang ditimba ketika latihan PLKN dalam membina jati diri unggul dan menyumbang khidmat kepada masyarakat dan negara.